Ruj. Kami : JANM.PRK.600-1/2/6 (51)
Tarikh : 11 November 2026

Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab

YBhg Datuk / Dato' / Datin / YBrs Dr. / Tuan / Puan,

Tuan,

TARIKH AKHIR PENGHANTARAN PERMOHONAN PULANGAN BALIK HASIL (B11) BAGI TAHUN 2026

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa tarikh akhir penghantaran permohonan Pulangan Balik Hasil (B11) bagi tahun 2026 adalah pada **16 November 2026 (Isnin)**.

3. Sehubungan dengan itu, kerjasama daripada pihak YBhg Datuk / Dato' / Datin / YBrs Dr. / Tuan / Puan dipohon untuk mematuhi tarikh akhir penghantaran tersebut bagi melancarkan proses pembayaran di peringkat Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Perak (JANM Negeri Perak) sebelum penutupan akaun tahun 2026.

4. Untuk makluman pihak YBhg Datuk / Dato' / Datin / YBrs Dr. / Tuan / Puan, pembayaran bagi permohonan B11 tersebut adalah tertakluk kepada kelulusan peruntukan yang diterima daripada Ibu Pejabat. Sebarang dokumen permohonan yang tidak dapat diproses(tidak lengkap / baki peruntukan tidak mencukupi) pada tahun ini, akan dipulangkan semula kepada PTJ. Permohonan Pulangan Balik Hasil (B11) boleh dihantar semula pada bulan Januari 2027.

5. Untuk pertanyaan lanjut, pihak YBhg Datuk / Dato' / Datin / YBrs Dr. / Tuan / Puan boleh berhubung dengan pegawai Unit Akaun, JANM Negeri Perak di talian 05-2462157/150. Perhatian dan komitmen daripada pihak YBhg Datuk / Dato' / Datin / YBrs Dr./ Tuan / Puan amatlah diharapkan.

Sekian, terima kasih.

" MALAYSIA MADANI "

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"*Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan*"

UNIT AKAUN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PERAK